

1 Bahasa  
1 Melayu  
0 Kertas 1  
3 November  
3 2023  
1 2 jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

---

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2023

---

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 1

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

**KERTAS 1**  
**Markah penuh: 100**

**1.0 Tujuan Pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.

**BAHAGIAN A: KARANGAN RESPONS TERHAD**

[30 *markah*]

**Perincian Pemarkahan Bahagian A**

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup.
3. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:
  - a. Pemeriksa hendaklah membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan pada peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
  - b. Selepas itu, pemeriksa membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.
  - c. Karangan yang kurang daripada 150 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon **tidak akur dengan kehendak soalan**, iaitu karangan perlu ditulis **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**BAHAGIAN A: KARANGAN RESPONS TERHAD**

[30 markah]

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT/ MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<p align="center"><b>CEMERLANG</b> 26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan ungkapan menarik yang <b>sesuai</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik:</b> peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.</p>
<p align="center"><b>KEPUJIAN</b> 20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> </ul>

	<p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b>.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul>
<p><b>MEMUASKAN</b>  <b>15 – 19</b>  (17 – 19)  (15 – 16)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas/terhad.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>• Laras bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> </ul>

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p><b>PENGUASAAN MINIMUM</b> <b>10 – 14</b> (12 – 14) (10 – 11)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Kesalahan-kesalahan tatabahasa <b>ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan yang <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul>
<p><b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM</b> <b>01 – 09</b> (06 – 09) (01 – 05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Idea tidak menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• <b>Banyak kesalahan bahasa</b> dari segi <b>kata</b> dan <b>ayat</b>.</li> </ul>

\***Ungkapan menarik:** peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain (dikira sebagai **satu perkataan** keseluruhannya).

**Perlu Diberi Perhatian**

1. Adakah calon menjawab fokus/tugasan?
2. Adakah idea calon relevan mengikut **fokus/tugasan** dalam bahan rangsangan?
3. Adakah calon menyentuh **kesemua bahan rangsangan** yang diberikan?
4. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?
5. Adakah calon **akur akan jumlah patah perkataan?** (150 hingga 200 patah perkataan)

**Catatan:**

- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan.
- Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik.

**PANDUAN PENULISAN KOMEN:****T - menepati tugas****I - relevan, huraian jelas****B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas****P - sangat menarik dan berkesan****Contoh penulisan komen:****Cemerlang (28 markah)****T** - menepati tugas**I** - relevan, huraian jelas dan matang**B** - gramatis, kosa kata luas dan tepat**P** - sangat menarik dan berkesan**Kepujian (23 markah)****T** - menepati tugas**I** - relevan, huraian jelas**B** - gramatis, kosa kata luas**P** - menarik**Memuaskan (17 markah)****T** - masih menepati tugas**I** - masih relevan, huraian masih jelas**B** - masih gramatis, kosa kata umum**P** - masih menarik**Penguasaan Minimum (11 markah)****T** - kurang menepati tugas**I** - kurang relevan dan huraian idea kurang jelas**B** - kurang gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata terhad**P** - kurang menarik**Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum (6 markah)****B** - calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis

**SOALAN:**

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan **pelancongan domestik di Malaysia**. Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Tugasan soalan:

Diharapkan calon dapat menulis surat tidak rasmi tentang **langkah/cara/kaedah/usaha, manfaat/kepentingan/faedah/kebaikan dan faktor/sebab/punca menggalakkan pelancongan domestik di Malaysia**.

- i. Format: Surat kiriman tidak rasmi
- ii. Karangan hendaklah diperiksa seperti biasa sekiranya calon menjawab seperti berikut:
  - Semua idea daripada bahan rangsangan
  - Sebahagian idea daripada bahan rangsangan
- iii. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan maklumat yang diberikan:

**Fokus 1: Manfaat/kepentingan/faedah/kebaikan masyarakat melancong di dalam negara (Bahan 1)**

  - Mengelakkan mereka berhadapan dengan cabaran ekonomi global.
  - Mengurangkan pengaliran wang keluar.
  - Membina kestabilan ekonomi negara.

**Fokus 2: Langkah menggalakkan pelancongan domestik (Bahan 1)**

  - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia melancarkan kempen baharu dipanggil '*Inilah Masanya, Cuti-Cuti Malaysia*'.
  - Tourism Malaysia juga meneruskan penganjuran program '*Jom Cuti-Cuti Malaysia (JCCM) Travel Fair*'.

**Fokus 3: Faktor yang menarik masyarakat untuk melancong di dalam negara/contoh (Bahan 2)**

  - Kepelbagaian budaya.
  - Terdapat pelbagai tempat yang menarik.
  - Terdapat pelbagai jenis makanan tempatan.
- iv. Sekiranya calon tidak menjawab dalam bentuk surat kiriman tidak rasmi – maksimum peringkat **KEPUJIAN (20-25)**.
- v. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- vi. Sekiranya calon menyentuh semua bahan **dan** menambah idea lain berkaitan **langkah/cara/kaedah/usaha, manfaat/kepentingan/faedah/kebaikan masyarakat melancong di dalam negara dan faktor/sebab/punca menggalakkan pelancongan domestik di Malaysia** diterima dan disemak seperti biasa.



- vii. Sekiranya calon menyentuh **dua fokus daripada kedua-dua bahan** diterima dan diperiksa seperti biasa.
- viii. Sekiranya calon **tidak** menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN (20-25)**.
- ix. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN (20-25)**.
- x. Sekiranya calon menulis kurang 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN (15-19)**
- **Jika calon menulis dalam bentuk poin - maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

**BAHAGIAN B: KARANGAN RESPONS TERBUKA**

[70 markah]

**Perincian Pemarkahan Bahagian B**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan yang kurang daripada 350 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon **tidak akur dengan kehendak soalan**, iaitu karangan perlu ditulis **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.
3. **Markah bersih/muktamad** itu hendaklah ditulis **di penjuru atas sebelah kanan pada halaman pertama** karangan. Markah hendaklah dikepung dalam bulatan apabila markah itu sudah dicatat dalam buku markah.

Bahagian A – 30 markah

Bahagian B – 70 markah

**Jumlah 100 markah**

Pemeriksa hendaklah memberikan komen sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

4. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

**KRITERIA DAN DESKRIPSI**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kegramatisan<ul style="list-style-type: none"><li>- kata (morfologi)</li><li>- ayat (sintaksis)</li></ul></li><li>• Tanda baca</li><li>• Ejaan</li></ul>
<b>LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemilihan kosa kata/ diksi</li></ul>
<b>IDEA</b> (Isi)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tema</li><li>• Isi utama</li><li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/ hujahan/ contoh)</li><li>• Kerelevanan</li></ul>
<b>PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wacana</li><li>• Logik</li><li>• Pemerenggan</li><li>• Format</li></ul>
<b>GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keindahan bahasa</li><li>• Ungkapan</li><li>• Peribahasa</li></ul>

**BAHAGIAN B: KARANGAN RESPONS TERBUKA**

[70 markah]

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p align="center"><b>CEMERLANG</b> <b>64 – 70</b></p> <p>A - (68 – 70) B - (64 – 67)</p>	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa <b>amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerenggan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<p align="center"><b>KEPUJIAN</b> <b>55 – 63</b></p> <p>A - (59 – 63) B - (55 – 58)</p>	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul>

	<p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerenggan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<p><b>BAIK</b> <b>45 – 54</b></p> <p>A - (50 – 54) B - (45 – 49)</p>	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>masih</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca <b>masih</b> betul.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p><b>MEMUASKAN</b> <b>35 – 44</b></p> <p>A - (40 – 44) B - (35 – 39)</p>	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih/kurang</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>terhad</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca <b>betul</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• Wacana <b>masih/kurang</b> lengkap.</li> <li>• Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugas.</li> </ul>
<p><b>PENGUASAAN MINIMUM</b> <b>21 – 34</b></p> <p>A - (28 – 34) B - (21 – 27)</p>	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas/<b>bercampur aduk</b>.</li> <li>• Huraian <b>tidak</b> jelas/<b>tidak</b> berkembang.</li> <li>• Contoh yang <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat yang <b>tidak</b> gramatis tetapi <b>masih</b> difahami.</li> <li>• Penggunaan kata <b>kurang</b> tepat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>tidak</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>lemah</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.</li> </ul>

	<p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>tidak</b> menarik</li> <li>• Pemerenggan <b>tidak</b> sesuai/<b>tidak</b> seimbang.</li> <li>• Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM 01 – 20</b></p> <p>A - (11 – 20) B - (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keseluruhan</b> karangan <b>sukar/tidak</b> difahami.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> relevan/<b>bercampur aduk</b> dan huraian <b>tidak</b> jelas/<b>tidak</b> berkembang serta contoh <b>tidak</b> sesuai.</li> <li>• <b>Keseluruhannya</b> menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang <b>tidak</b> gramatis.</li> <li>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b> dan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>tidak</b> sesuai dan <b>tidak</b> seimbang.</li> <li>• Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>

**PANDUAN PENULISAN KOMEN PEMERIKSA (MESTI TULIS)****Cemerlang**

A - (68 – 70 markah); B - (64 – 67 markah)

- T** - menjawab tugas
- I** - relevan, huraian jelas dan matang, contoh sesuai
- B** - amat gramatis, kosa kata luas dan tepat
- P** - sangat menarik dan berkesan

**Kepujian**

A - (59– 63 markah); B - (55 – 58 markah)

- T** - menjawab tugas
- I** - relevan, huraian jelas, contoh sesuai
- B** - gramatis, kosa kata luas dan tepat
- P** - menarik dan berkesan

**Baik**

A - (50 – 54 markah); B - (45 – 49 markah)

- T** - masih menjawab tugas
- I** - masih relevan, huraian masih jelas, contoh masih sesuai
- B** - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata umum
- P** - masih menarik

**Memuaskan**

A - (40 – 44 markah); B - (35 – 39 markah)

- T** - masih menjawab tugas
- I** - masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai
- B** - kurang gramatis, kosa kata umum dan terhad
- P** - kurang menarik

**Penguasaan Minimum**

A - (28 – 34 markah); B - (21 – 27 markah)

- T** - kurang menjawab tugas
- I** - masih relevan, huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai
- B** - tidak gramatis dari segi kata dan ayat, masih boleh difahami, kosa kata umum, terhad
- P** - tidak menarik

**Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum**

A - (11 – 20 markah); B - (1 – 10 markah)

- Keseluruhan karangan sukar atau tidak difahami
- Idea tidak relevan, huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai



**Soalan 1**

Jati diri merupakan ciri dalaman positif yang cukup universal. Usaha pemupukan jati diri harus dimainkan oleh pelbagai pihak. Sebaik-baiknya usaha ini bermula daripada ibu bapa memberikan didikan agama dan nilai murni yang kukuh sejak kecil. Aplikasi media sosial seperti Instagram dan TikTok harus menyediakan kandungan berbentuk dakwah dan didikan yang positif selain pihak kerajaan mengadakan kempen menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
'Jati Diri Pengukuh Patriotisme Remaja'  
*Dewan Siswa, Ogos 2022*

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bertajuk 'Pemupukan Jati Diri dalam Kalangan Masyarakat'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

**Tema: Jati Diri, Warganegara Patriotik (Tema 13 Tingkatan 5)**

- a) **Format:** Rencana
- i. Tajuk rencana
  - ii. Nama penulis
- b) **Kehendak/tugasan soalan:**
- i. Calon dikehendaki **menulis rencana tentang usaha pelbagai pihak memupuk jati diri dalam kalangan masyarakat seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**
    - **Ibu bapa** memberikan didikan agama dan nilai murni.
    - **Media sosial** menyediakan kandungan berbentuk dakwah dan didikan yang positif.
    - **Kerajaan** mengadakan kempen menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara.
- c) **Kemungkinan jawapan:**
- i. Calon menghuraikan **semua idea** dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan usaha – **DITERIMA**
  - ii. Calon menulis karangan tanpa menggunakan format rencana – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55-63)**
  - iii. Calon menghuraikan idea lain berkaitan usaha tanpa menyentuh/menyentuh sebahagian sahaja idea dalam petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
  - iv. Calon menghuraikan idea secara umum tanpa menyentuh usaha pelbagai pihak – maksimum peringkat **BAIK (45-54)**

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2**

Kecemerlangan bagi pelajar ialah suatu puncak yang tinggi dan gah untuk dicapai. Kebanyakan pelajar di Malaysia menganggap diri mereka ialah pelajar yang sederhana dan tidak cemerlang sedangkan mereka berupaya untuk menjadi yang terbaik dalam bidang yang diceburi. Sebenarnya mereka sendiri yang perlu menentukan sama ada hendak menjadi cemerlang, sederhana atau gagal. Kemahiran belajar yang betul, kebijaksanaan menguruskan masa dan menjaga hubungan yang baik antara kriteria yang membentuk kecemerlangan pelajar.

Sumber : Internet

Jelaskan ciri-ciri pelajar cemerlang.

**Tema: Pendidikan Untuk Semua (Tema 5 Tingkatan 5)**

- a) **Format:** Tiada
- b) **Kehendak/tugasan soalan:**
- i. Calon dikehendaki **membincangkan ciri-ciri pelajar cemerlang seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**
    - Kemahiran belajar yang betul.
    - Kebijaksanaan menguruskan masa.
    - Menjaga hubungan yang baik.
- c) **Kemungkinan jawapan:**
- i. Calon menghuraikan **semua idea** dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan ciri-ciri pelajar cemerlang – **DITERIMA**
  - ii. Calon menghuraikan idea lain berkaitan ciri-ciri pelajar cemerlang tanpa menyentuh/menyentuh sebahagian sahaja idea dalam petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55-63)**

**Soalan 3**

Pendidikan keusahawanan perlu dipergiat sejak di bangku sekolah. Dalam jangka masa yang panjang, pendidikan keusahawanan yang direncanakan dengan baik membolehkan generasi masa depan menyerlahkan ciri kepimpinan, sentiasa berdaya saing dan bijak mengurus kewangan dalam mendepani cabaran global. Gabungan kesedaran dan minat keusahawanan yang kuat pasti menjadi bekalan berguna untuk mereka mengharungi dunia masa hadapan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pergiat Program Keusahawanan Sejak di Bangku Sekolah'  
*Berita Harian Online*, 16 Mac 2022

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faedah-faedah apabila pendidikan keusahawanan dipergiat sejak di bangku sekolah.

**Tema: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan (Tema 9 Tingkatan 5)**

- a) **Format:** Tiada
- b) **Kehendak/tugasan soalan:**
- i. Calon dikehendaki **menghuraikan faedah-faedah apabila pendidikan keusahawanan dipergiat sejak di bangku sekolah seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**
    - Menyerlahkan ciri kepimpinan.
    - Sentiasa berdaya saing.
    - Bijak mengurus kewangan dalam mendepani cabaran global.
    - Menjadi bekalan berguna untuk mereka mengharungi dunia masa hadapan.
- c) **Kemungkinan jawapan:**
- i. Calon menghuraikan faedah-faedah apabila pendidikan keusahawanan dipergiat dalam kalangan murid sekolah rendah – **DITERIMA**
  - ii. Calon menghuraikan idea lain berkaitan faedah tanpa menyentuh/menyentuh sebahagian sahaja idea dalam petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55 – 63)**
  - iii. Calon menghuraikan idea tentang faedah apabila pendidikan keusahawanan dipergiat tanpa mengaitkan peringkat sekolah – maksimum peringkat **BAIK (45-54)**
  - iv. Calon menghuraikan faedah keusahawanan secara umum tanpa mengaitkan pendidikan keusahawanan – maksimum peringkat **MEMUASKAN (35-44)**

[Lihat halaman sebelah

## Soalan 4

Usaha untuk mengekalkan keharmonian dan sikap saling menghormati dalam kalangan rakyat di rantau Asia Tenggara sememangnya menghadapi pelbagai kesukaran. Namun, keadaan ini dapat ditangani dengan usaha kerajaan yang menggalakkan pelibatan masyarakat dalam aktiviti serantau seperti sukan dan pendidikan pada peringkat antarabangsa.

Sumber: Internet

Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keharmonian dan sikap saling menghormati dalam kalangan masyarakat di rantau ini.

**Tema: Bersatu Kita Teguh (Tema 4 Tingkatan 5)**

- a) **Format:** Tiada
- b) **Kehendak/tugasan soalan:**
- i. Calon dikehendaki **menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keharmonian dan sikap saling menghormati dalam kalangan masyarakat di rantau ini seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:**
    - Menggalakkan pelibatan masyarakat dalam aktiviti serantau melalui bidang sukan.
    - Menggalakkan pelibatan masyarakat dalam aktiviti serantau melalui bidang pendidikan.
- c) **Kemungkinan jawapan:**
- i. Calon menghuraikan **semua idea** dalam petikan – **DITERIMA**
  - ii. Calon menghuraikan **semua idea** dalam petikan **dan** idea-idea berkaitan langkah – **DITERIMA**
  - iii. Calon menghuraikan idea lain berkaitan dengan langkah-langkah **tanpa** menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55-63)**
  - iv. Calon menghuraikan idea tanpa mengaitkan mana-mana negara di rantau Asia Tenggara – maksimum peringkat **KEPUJIAN (55-63)**
  - v. Calon menghuraikan langkah-langkah mengekalkan keharmonian dan sikap saling menghormati dalam kalangan masyarakat di Malaysia – maksimum peringkat **BAIK (45-54)**
- d) **Isi cadangan:**
- i. Menggalakkan pelibatan masyarakat dalam aktiviti serantau melalui bidang kesenian dan budaya.
  - ii. Menggalakkan pelibatan masyarakat dalam aktiviti serantau melalui bidang kemanusiaan – bidang ekonomi.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**